



APPGM-SDG
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020



LAPORAN AWAL

Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM - SDG



**KOMUNITI
PULAU-PULAU KECIL**

Senarai Kehadiran

AHLI-AHLI PARLIMEN (PENGERUSI BERSAMA)

YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy (*P169 - Kota Belud*)

YB Tuan Rushdan bin Rusmi (*P001 - Padang Besar*)

AHLI-AHLI PARLIMEN YANG HADIR

YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan (*P042 - Tasek Gelugor*)

YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (*P154 - Mersing*)

YB Dr. Hajah Halimah Ali (*P109 - Kapar*)

YB Tuan Mordi anak Bimol (*P192 - Mas Gading*)

YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid (*P048 - Bukit Bendera*)

YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (*P088 - Temerloh*)

YB Dr. Siti Mastura binti Muhammad (*P041 - Kepala Batas*)

YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (*P112 - Kuala Langat*)

YB Lo Su Fui (*P190 - Tawau*)

YB Dato' Mumtaz binti Md Nawi (*P019 - Tumpat*)

YB Dato' Abdul Khalib (*P091 - Rompin*)

YB Tuan Zakri Hassan (*P002 - Kangar*)

PAKAR-PAKAR BIDANG

Dr. Teo Sue Ann (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

Dr. Teo Lee Ken (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

Dr. Khairil Izamin bin Ahmad (*MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*)

AHLI-AHLI KUMPULAN SIVIL

Kon Onn Sein (*Yayasan Kajian dan Pembangunan Masyarakat*)

Dr. Lin Mui Kiang (*PROHAM*)

Dato Indrani (*FOMCA*)

Jeffrey Phang (*PRISMA*)

Dr. Wan Puspa Melati (*PSSM*)

Nur Hannani (*URBANICE Malaysia*)

TEMA: KEMISKINAN (KOMUNITI PULAU-PULAU KECIL)

PRAKATA

*YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis@Fakharudy
Pengerusi APPGM-SDG*

*Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria
Ketua Sekretariat APPGM-SDG*

Bagi pihak Jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat APPGM-SDG, prakata ini kami nukilkan bersama sempena pelancaran siri lapan Laporan Awal Dasar hasil daripada siri perbincangan kumpulan fokus dasar yang telah kami anjurkan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan yang lain pada tahun ini. Aktiviti ini julung-julung kali dijalankan oleh APPGM-SDG dan merupakan langkah ke hadapan yang penting dalam proses advokasi dasar kami yang telah berlangsung sejak tahun 2020.

Antara tahun 2020 dan 2024, kami telah menggunakan **lima strategi** dalam usaha untuk membangunkan pendekatan advokasi dasar yang berasaskan bukti dan analisa yang berpandukan dapatan dari peringkat akar umbi.

Strategi pertama adalah untuk memetakan keperluan sosioekonomi tempatan.¹ Bagi tujuan ini, kami telah menjalankan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai dan agensi-agensinya daerah. Kami telah menjalankan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama komuniti-komuniti setempat untuk tempoh tiga ke empat hari.² Melalui gerak kerja ini kami telah mengenal pasti masalah utama dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Selepas kerja lapangan, penyelidik APPGM-SDG telah menyediakan satu laporan pemetaan bagi kawasan parlimen tersebut. Para penyelidik juga telah berkongsi laporan tersebut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensinya kerajaan untuk pengesahan mereka bagi isu-isu yang telah dikenal pasti.³ Daripada laporan-laporan telah disediakan, kami telah menerbitkan laporan analisis situasi pada tahun 2022 dan 2023.⁴

¹ APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

² APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

³ Realiti Akar Umbi (Jilid 1-5), https://appgm-sdg.com/resource_library/

⁴ Three publications. (1) Localising SDGs and Local Issues (2022), (2) Localising SDGs and Grassroots Concerns of six vulnerable groups in Malaysia (2023) and (3) SDGs and Grassroots Realities: Seven community case studies in Malaysia (2023). https://appgm-sdg.com/resource_library/

Strategi kedua adalah menyediakan laporan semakan yang komprehensif untuk isu-isu yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan parlimen (2020-2023).⁵ Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Dr. Teo Sue Ann dan beliau telah mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 26 isu-isu tematik⁶ di bawah tajuk-tajuk ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Strategi ketiga adalah menganjurkan lima siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Parlimen APGM-SDG di Parlimen Malaysia di mana kami telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti dapatan kami⁷ berkenaan tema kemiskinan, kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 bersempena dengan persidangan parlimen pertama. Kami telah menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk mempengerusikan siri perbincangan tersebut diiringi oleh pembentangan isu yang dikendalikan oleh pegawai Sekretariat daripada MySDG Center for Social Inclusion (MySDG-CSI) dan dibantu oleh pakar-pakar bidang yang telah dilantik oleh pihak kami. Siri perbincangan tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen.

Strategi keempat adalah mengadakan sesi dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan. Pihak Sekretariat juga telah menganjurkan beberapa sesi pra-dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi secara berasingan untuk mendapatkan sokongan bagi proses perbincangan ini yang bertujuan untuk mencari persefahaman yang lebih baik dan solusi dasar dan legislatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Dalam konteks ini, satu siri yang merangkumi lapan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan antara 2hb dan 18hb Julai 2024 semasa sesi persidangan parlimen. Lapan isu tematik yang telah dibincangkan adalah kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan pulau-pulau kecil), kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan⁸. Kami telah menerima sokongan yang baik daripada agensi-agensi yang terlibat termasuk maklum balas terhadap keperluan dan kebimbangan yang telah diketengahkan. Pihak Sekretariat juga telah menjalankan sesi perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan.

⁵ APPGM SDG 2023 Annual Report, (pages 6-7). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%20Laporan%20Tahunan%202023-compressed.pdf>

⁶ Thematic issues from qualitative findings (Page 39-50) <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%202023%20Annual%20Report-compressed.pdf>

⁷ Five Kertas Persediaan Ringkasan Dasar (poverty, welfare, food security, environment and statelessness) was prepared by the MySDG Centre for Social Inclusion

⁸ Membina Daya Tahan Daripada Penerima Manfaat Kepada Juara SDG. APPGM-SDG July 2024 Report <https://appgm-sdg.com/buletin-julai-2024/>

Strategi kelima adalah menulis lapan Laporan Awal Dasar yang telah disebutkan di atas dan melancarkan laporan-laporan tersebut pada 15hb Oktober 2024 serta menganjurkan perbincangan lanjutan untuk memurnikan dokumen-dokumen tersebut. Pegawai-pegawai Sekretariat di MySDG-CSI telah bekerja keras untuk menyediakan analisis yang komprehensif di dalam kesemua laporan tersebut. Mereka telah berhubung secara rapat dengan Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan dalam proses untuk meneliti kandungan laporan-laporan tersebut dan mengambil maklum balas Ahli-ahli Parlimen. Kami melihat laporan-laporan tersebut sebagai dokumen kerja (*working document*) yang masih memerlukan dialog berterusan dan penambahbaikan dari segi analisis dan cadangan-cadangan dasar.

Kami akan melengkapkan proses advokasi dasar ini pada masa yang terdekat dan mengetengahkan dapatan kami kepada kerajaan sebagai input terhadap proses rancangan dan penggubalan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kami juga dalam proses untuk menyediakan dokumen *Voluntary Parliamentary Review* (VPR) bagi SDG (2020-2024) sebagai kajian bebas APPGM-SDG berkenaan penyetempatan agenda SDG di Malaysia. VPR ini akan tersedia menjelang sesi *High Level Political Forum on SDGs* yang akan dianjurkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di New York antara 14hb dan 24hb Julai 2025, di mana Malaysia akan membentangkan *Voluntary Nasional Review* (VNR) buat kali ketiga.

Di APPGM-SDG, kami menganggap bahawa perbincangan yang telah berlangsung dalam proses advokasi dasar dan juga lapan Laporan Awal Dasar kami sebagai sumbangan penting Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar yang makro, di samping usaha kami untuk menyetempatan SDG di peringkat mikro melalui projek-projek solusi mikro-SDG dan kebun komuniti.

Kami juga mengakui kepentingan kolaborasi secara pelbagai pihak antara Ahli-ahli Parlimen secara dwipartisan dan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat (persekutuan, negeri, daerah, dan kerajaan tempatan), ahli-ahli akademik, masyarakat sivil, sektor swasta serta masyarakat akar umbi. Proses konsultatif dan kolaboratif ini adalah sangat mustahak. Proses bawah ke atas (*bottom-up approach*) dari peringkat akar umbi ke peringkat lebih tinggi serta proses atas ke bawah (*top-down approach*) dari peringkat nasional ke peringkat bawah adalah kunci kepada penemuan penyelesaian yang mampan untuk isu-isu akar umbi yang kompleks.

Kami juga yakin bahawa perlu ada tekad politik (*political will*) dalam mencari konsensus untuk menangani kebimbangan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita perlu membina konsensus dwipartisan dalam kita mencari penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit. APPGM-SDG menyediakan ruang bagi tujuan ini melalui penyertaan Ahli-ahli Parlimen

daripada parti-parti kerajaan dan parti-parti pembangkang. Oleh kerana mereka adalah wakil pilihan rakyat, kita perlu membina sinergi dan kerjasama yang lebih erat di antara mereka melalui agenda SDG bagi memastikan tiada sesiapa atau komuniti yang ditinggalkan di Malaysia.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam proses advokasi dasar kami ini, semua kakitangan Sekretariat terutamanya kakitangan MySDG-CSI, pakar-pakar bidang, dan semua agensi kerajaan yang telah menyertai sesi perbincangan dan memberikan maklum balas yang amat berharga.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kita akan dapat melangkah lebih jauh ke depan melalui lapan siri Laporan Awal Dasar ini. Kami juga berharap laporan-laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan analisis yang berguna kepada pembaca. Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada pembaca, yang boleh dipanjangkan kepada kakitangan Sekretariat.

KATA ALUAN

*Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas
Ahli Parlimen P154 - Mersing*

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari (**APPGM-SDG**) atas usaha mereka dalam menganjurkan siri sesi-sesi Perbincangan Fokus Dasar Parlimen pada tahun 2024. Sesi ini memberi peluang kepada kita semua untuk mendalami serta membincangkan pelbagai **isu-isu berkaitan komuniti pulau-pulau kecil di Semenanjung Malaysia**, terutamanya dalam aspek **kemiskinan, ekonomi, alam sekitar, dan taraf hidupan**.

Komuniti di pulau-pulau kecil menghadapi cabaran unik yang sering memerlukan perhatian dan tindakan yang lebih bersasar. **Isu kemiskinan** merupakan masalah utama, di mana ramai penduduk pulau ini berhadapan dengan akses yang terhad kepada sumber pendapatan, peluang pekerjaan yang stabil, dan juga perkhidmatan asas. Isu kemiskinan di pulau kecil ini dekat di hati saya memandangkan Mersing juga mempunyai komuniti pulau kecil dan kebanyakan mereka berada di paras kemiskinan. Oleh itu, kita perlu mencari jalan penyelesaian untuk memastikan pembangunan yang lebih inklusif serta adil dapat dinikmati oleh komuniti-komuniti ini.

Di samping itu, **isu ekonomi** di pulau-pulau kecil memerlukan kerjasama antara pihak kerajaan dan sektor swasta untuk membangunkan peluang pekerjaan, khususnya dalam sektor pelancongan, perikanan, dan perusahaan kecil. Dalam konteks ini, pihak KPKM memberi bantuan melalui pelbagai geran dan insentif serta menjalankan program tambahan contohnya pemprosesan makanan, akuakultur dan aktiviti darat seperti pengendalian bengkel. LKIM melalui kerjasama dengan agensi-agensinya lain telah membangunkan sistem untuk mengenal pasti lokasi kawasan penangkapan ikan bagi membantu komuniti pulau-pulau kecil dalam meningkatkan hasil pendapatan. Pada masa yang sama, **isu alam sekitar** turut mendesak, kerana pulau-pulau ini sering terdedah kepada risiko seperti perubahan iklim, hakisan pantai, dan pencemaran yang menjejaskan kehidupan serta mata pencarian penduduk. Oleh itu, pemuliharaan alam sekitar harus diimbangi dengan pembangunan ekonomi yang mampan.

Daripada segi pelbagai rintangan yang dihadapi oleh komuniti pulau-pulau kecil ini, cadangan dasar telah dibuat di mana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat meneliti daripada segi peruntukan undang-undang, langkah untuk membenarkan pihak ketiga atau rakyat untuk memecahkan benteng supaya air lalu untuk menangani isu banjir di pulau-pulau kecil di Malaysia.

Selain daripada itu, **taraf hidup** penduduk di pulau-pulau kecil ini perlu ditingkatkan dengan penyediaan akses yang lebih baik kepada pendidikan, kesihatan, infrastruktur asas, sistem komunikasi dan Internet. **Kementerian** yang terlibat, seperti Kementerian Komunikasi, telah menunjukkan komitmen dalam menangani beberapa isu ini melalui pelbagai program pembangunan infrastruktur dan inisiatif di mana pihak Kementerian menangani isu ketiadaan atau kelemahan capaian sistem komunikasi dan Internet melalui inisiatif JENDELA di bawah MCMC. Bergantung kepada kawasan dan penduduk, MCMC juga mengaplikasikan kaedah teknologi *fit for purpose*. Oleh itu, usaha ini perlu terus dikekalkan dan diperkukuhkan melalui kerjasama yang lebih erat dengan komuniti setempat dan agensi-agensi lain.

Saya berharap sesi perbincangan yang telah dijalankan akan memberi hasil yang bermanfaat dalam bentuk cadangan-cadangan yang praktikal dan mampan untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti pulau-pulau kecil ini. Dengan sokongan semua pihak, kita mampu memastikan bahawa komuniti ini dapat berkembang dengan lebih sejahtera dan berdaya saing.

Sekali lagi, terima kasih kepada pihak APPGM-SDG atas inisiatif ini, dan kepada semua yang telah hadir dan memberi komitmen dalam menjayakan siri-siri perbincangan ini. Semoga semua usaha penilaian isu dan dasar yang telah berlangsung membuahkan perubahan yang lebih baik.

*15hb Oktober, 2024
Mersing (P.154)
Parlimen Malaysia*

KATA PENGENALAN

Dr. Teo Sue Ann

Pengarah MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG

Sejak tahun 2020, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) telah berusaha bertungkus-lumus untuk menyetempatan 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia. Hingga ke tahun 2023, para penyelidik APPGM-SDG telah memeta isu di 85 dari 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Dengan isu-isu yang telah diperolehi, APPGM-SDG telah memulakan advokasi dasar SDG melalui *MySDG Centre for Social Inclusion* (MySDG-CSI).

Daripada isu-isu yang telah dipetakan, kami mendapati lima tema paling menonjol, iaitu kemiskinan, kebajikan, alam sekitar, keterjaminan makanan, dan tiada kewarganegaraan. Walaupun kami telah mengumpulkan data-data kualitatif untuk lima tema tersebut, kami mendapati bahawa isu-isu yang telah dicatatkan adalah berbeza apabila dianalisis secara mendalam disebabkan oleh: latar belakang komuniti yang berlainan; wilayah dan lokasi yang berbeza; kadang-kala juga disebabkan oleh hubungan politik; dan cara kehidupan komuniti tempatan yang berbeza. Namun, apabila kami menganalisa isu-isu ini daripada segi makro, kami telah mendapati bahawa terdapat suatu corak persamaan yang muncul daripada data-data tersebut.

Yang lagi pentingnya, adalah bahawa data-data yang telah dikumpulkan oleh para penyelidik APPGM-SDG adalah bersifat kualitatif. Melalui data-data ini, kami dapat menghayati isu-isu yang telah dialami oleh komuni-komuniti di akar umbi melalui perkongsian naratif mereka. Data-data kualitatif ini telah membolehkan kami untuk menelitikan isu-isu tempatan secara makro dan mikro. Ini menjadi suatu dorongan yang penting untuk pihak kami bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dalam gerak kerja advokasi dasar APPGM-SDG.

Ahli-ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang penting dan mereka yang sering berhadapan dengan komuniti-komuniti yang memerlukan bantuan. Dengan itu, siri perbincangan pertama yang telah dijalankan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 dibuktikan penting tidak sahaja sebagai suatu peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang rentas parti politik berlainan untuk membincangkan isu-isu yang sedang dan telah berlaku di kawasan-kawasan parlimen masing-masing. Dalam sesi tersebut, mereka juga dapat mengetepikan agenda politik parti masing-masing dan mendapat kesedaran bahawa isu yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan parlimen selain dari kawasan yang diwakili oleh mereka.

Daripada lima sesi perbincangan tersebut, terdapat tiga keputusan penting yang telah dipersetujui oleh para Ahli-ahli Parlimen yang hadir. Pertamanya, penyertaan daripada pihak kementerian kerajaan sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam proses ini adalah diperlukan. Maklum balas daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar pembangunan negara adalah mustahak dalam perbincangan isu-isu tempatan di kawasan parlimen. Dengan itu, kami telah berusaha untuk menjemput dan mendapatkan penyertaan kementerian dalam sesi perbincangan kedua yang telah berlangsung antara 2hb dan 18hb Julai 2024.

Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen adalah memisahkan tema kemiskinan yang dikatakan terlalu luas. Jikalau perbincangan diteruskan untuk sesi seterusnya dengan merangkumi semua kawasan di Malaysia, komuniti-komuniti yang tinggal di pulau-pulau kecil, keadaan kemiskinan di wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing tidak akan mendapat tumpuan yang memadai dalam perbincangan tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan yang lebih menyeluruh MySDG-CSI telah menjalankan sesi perbincangan di Sabah dan Sarawak masing-masing, bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil kementerian di peringkat wilayah. Siri perbincangan tersebut telah berjaya dijalankan dengan sokongan dan kerjasama *Institute for Development Studies* (IDS) di Sabah, dan *Economic Planning Unit* di Sarawak.

Keputusan yang ketiga adalah supaya perbincangan bertema keterjaminan makanan dipisahkan kepada dua sesi yang bertumpu kepada pertanian dan penternakan sebagai satu sesi, serta perikanan sebagai satu sesi yang lain. Sebab untuk pemisahan ini adalah sama seperti untuk tema kemiskinan. Isu-isu yang diperolehi untuk kedua-dua lapangan tersebut adalah berbeza dan para Ahli Parlimen juga memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk setiap tema rinci yang penting ini.

Secara keseluruhannya, proses advokasi ini dipimpin oleh penyertaan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil Kementerian. Suatu pemerhatian yang signifikan adalah bahawa kedua-dua pihak yang berkepentingan ini telah bersetuju bahawa kerjasama yang erat adalah sangat penting untuk memastikan suatu bentuk institusi kerajaan yang kukuh demi mencapai bukan sahaja SDG 16 tetapi semua SDG yang lain yang saling berkait rapat.

Hasil daripada sesi-sesi perbincangan ini menjangkau lebih daripada apa yang telah kami jangkakan. Satu pencapaian yang penting adalah penghasilan lapan Laporan Awal Dasar SDG yang bertemakan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Pulau-pulau kecil, Kebajikan, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Tiada Kewarganegaraan. Laporan-laporan awal ini akan menjadi teras kepada usaha advokasi dasar kami yang seterusnya pada tahun 2025 bagi menjalankan kerjasama dengan lebih ramai pihak yang

berkepentingan seperti kerajaan di peringkat wilayah, negeri dan daerah, masyarakat sivil (CSO), badan-badan pemikir dan ahli-ahli akademik. Di samping itu, menerusi siri perbincangan ini, kami telah berjaya menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pelbagai kementerian.

Dengan itu, proses polisi advokasi MySDG-CSI telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyetempatan SDG melalui APPGM-SDG. Walaupun siri perbincangan ini berupa lambang kepada langkah permulaan dalam usaha advokasi dasar yang mampan, ia telah menyumbang kepada daya gerak Kerajaan Malaysia dalam usaha mencapai agenda SDG menjelang 2030.

Kandungan

RINGKASAN EKSEKUTIF	1
1. LATAR BELAKANG	4
2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KOMUNITI	5
PULAU-PULAU KECIL OLEH APPGM-SDG	5
2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 29hb Februari 2024...	6
2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 10hb Julai 2024.....	6
3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI PARLIMEN.....	8
3.1 Ekonomi.....	8
3.2 Taraf Kehidupan	10
3.3 Alam Sekitar	12
4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN.....	14
4.1 Ekonomi.....	14
4.2 Taraf Kehidupan dan Alam Sekitar	16
LAMPIRAN 1: ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN	18
1.1 Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen, 29hb Februari 2024	18
1.2 Isu-isu berkaitan Komuniti Pulau-pulau Kecil di Semenanjung Malaysia untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 10hb Julai 2024.....	20
1.3 Senarai Maklum Balas dan Cadangan Dasar daripada Agensi-agensi Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen, 10hb Julai 2024.....	25
LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 29hb Februari 2024.....	29
LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 10hb Julai 2024	30

RINGKASAN EKSEKUTIF

Seperti mana konteks global, Malaysia berdepan dengan cabaran untuk membasmi kemiskinan dalam semua bentuk menjelang tahun 2030 seperti yang ditetapkan oleh agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Sehubungan itu, pembasmian kemiskinan telah menjadi teras utama agenda pembangunan negara, merentasi dasar-dasar sosioekonomi kerajaan. Matlamat SDG 1 (“Tiada kemiskinan”) juga telah disenaraikan sebagai matlamat teras yang berkait rapat dengan 16 matlamat SDG yang lain, terutamanya SDG 2 (“Tiada kebuluran”), SDG 3 (“Kesihatan yang baik dan sejahtera”), SDG 4 (“Pendidikan berkualiti”), SDG 5 (“Kesaksamaan gender”), SDG 10 (“Mengurangkan ketidaksamarataan”), dan SDG 16 (“Keamanan, keadilan dan institusi yang kuat”).

Salah satu cabaran utama yang dihadapi sesebuah negara dalam usaha untuk menangani kemiskinan adalah untuk memastikan manfaat daripada usaha tersebut dirasai oleh setiap lapisan masyarakat tidak kira latar belakang sosial dan geografi mereka. Malaysia tidak terkecuali daripada cabaran ini, yang antara lain digariskan oleh struktur geografi negara yang luas dan pelbagai, di mana terdapat kawasan dan komuniti yang masih tercicir daripada arus pembangunan dan bergelut dengan fenomena kemiskinan. Salah satu komuniti tersebut adalah penduduk di kawasan pulau-pulau kecil di seluruh negara.

Laporan awal dasar ini merangkumkan proses advokasi dasar bagi tema kemiskinan di kalangan komuniti pulau-pulau kecil yang telah dijalankan oleh sayap penyelidikan dan dasar Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG), *MySDG Center for Social Inclusion* (MySDG-CSI) pada tahun 2024. Kandungan laporan ini adalah hasil daripada penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam aktiviti penyetempatan APPGM-SDG di dalam kawasan parlimen masing-masing dan yang telah turut serta dalam aktiviti perbincangan dasar yang telah dianjurkan oleh MySDG-CSI pada tahun ini. Selain Ahli-ahli Parlimen, pihak-pihak berkepentingan lain yang telah terlibat adalah kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan persekutuan serta organisasi masyarakat sivil (CSO).

Dua sesi perbincangan kumpulan fokus dasar (FGD) telah dianjurkan di Parlimen Malaysia oleh MySDG-CSI untuk membincangkan isu-isu berkaitan kemiskinan pada tahun ini. FGD pertama telah dianjurkan pada 29hb Februari 2024 dan telah disertai oleh Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil CSO. Selain daripada membincangkan isu-isu kemiskinan berdasarkan data daripada aktiviti pemetaan APPGM-SDG yang telah dibentangkan oleh pasukan MySDG-CSI, hasil daripada FGD tersebut adalah pemurnian

isu-isu perbincangan dalam bentuk senarai tiga isu utama yang lebih berfokus yang dibahagikan kepada konteks-konteks yang khusus dan berlainan termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, dan komuniti pulau-pulau kecil. Isu-isu utama bagi kemiskinan di kalangan komuniti pulau-pulau kecil telah menjadi fokus perbincangan semasa sesi FGD yang kedua yang telah dijalankan pada 10hb Julai 2024. FGD tersebut melibatkan perbincangan di antara Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan persekutuan yang telah dijemput untuk memberi maklum balas terhadap isu-isu yang relevan dengan bidang kuasa mereka.

Tiga isu utama tersebut meliputi beberapa pulau kecil di dalam 85 kawasan-kawasan parlimen yang telah dipetakan oleh APPGM-SDG setakat tahun 2023. Isu-isu utama tersebut diuraikan di bawah kategori **ekonomi** (punca pendapatan penduduk yang terjejas dan tidak menentu dan sektor pelancongan yang masih mundur dan memerlukan pembangunan, **taraf kehidupan** (kemudahan perkhidmatan awam yang tidak mencukupi dan akses kepada infrastruktur asas yang lemah, dan **alam sekitar** (bencana alam yang menjejaskan kehidupan komuniti, kesan pembangunan yang menjejaskan kehidupan penduduk, dan masalah gangguan hidupan liar).

Wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan telah memberi maklum balas untuk isu-isu tersebut. Bagi isu **ekonomi**, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menjelaskan bahawa KPKM dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan langkah-langkah mitigasi melalui penilaian *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi menangani isu kekurangan hasil laut. KPKM juga telah menyediakan program-program latihan kepada nelayan untuk membantu mereka mencari punca pendapatan alternatif dan juga melaksanakan inisiatif kemudahan bantuan geran agro-pelancongan untuk membina dan menaik taraf infrastruktur. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pula memaklumkan bahawa KUSKOP bersedia untuk membantu penduduk melalui program-program bantuan keusahawanan dan perniagaan serta koperasi. Kementerian Ekonomi (KE) mengesyorkan supaya kerajaan-kerajaan negeri bekerjasama dengan Tourism Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menangani isu kekurangan aktiviti pemasaran pelancongan di kawasan pulau. Bagi isu **taraf kehidupan** pula, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjelaskan tentang proses pengurusan sisa yang dijalankan melalui agensi-agensi KPKT. KE pula memaklumkan berkenaan projek menaik taraf dan membaik pulih jeti utama dan jambatan Sungai Ular di Taman Negara Johor Pulau Kukup di bawah RMK12 dan Kementerian Komunikasi (KK) memberi maklum balas berkenaan pelaksanaan inisiatif JENDELA di bawah Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (MCMC). Bagi isu **alam sekitar** pula, Jabatan Pengairan dan Saliran telah memberi maklum balas tentang pelaksanaan langkah-langkah untuk menangani bencana banjir di kawasan pulau oleh

JPS, manakala Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah menjelaskan tentang fungsi-fungsi NAHRIM dalam menjalankan penyelidikan tentang kesan perubahan iklim terhadap sektor air serta kajian dan pembangunan (R&D) berkaitan air.

Ahli-ahli Parlimen pula telah menyuarakan beberapa cadangan dasar untuk menyelesaikan isu-isu yang telah dibincangkan. Bagi isu **ekonomi**, cadangan yang disuarakan adalah supaya pihak KPKM bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk membantu komuniti Orang Asli di kawasan pulau menerokai sumber pendapatan alternatif, serta untuk menyelesaikan isu pertindihan kuasa antara agensi pelesenan bot nelayan. Bagi isu **taraf kehidupan dan alam sekitar**, cadangan yang dikemukakan termasuk supaya langkah-langkah untuk menangani bencana banjir dijalankan dengan lebih bersepadu melalui kerjasama pelbagai pihak, serta supaya pihak JPS memberi pertimbangan dari segi peruntukan undang-undang untuk membenarkan pihak ketiga atau penduduk untuk memecahkan benteng semasa banjir berlaku.

Proses advokasi dasar ini merupakan salah satu usaha APPGM-SDG untuk membantu kerajaan dari segi menyalurkan maklumat berkenaan isu-isu kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat di peringkat akar umbi dan mencari penyelesaian yang komprehensif, lestari bersepadu dan dwipartisan untuk isu-isu tersebut. Cadangan-cadangan yang telah diketengahkan di dalam laporan ini juga berupaya untuk membantu negara mencapai matlamat-matlamat dan sasaran-sasaran SDG, seiring dengan usaha kerajaan untuk memenuhi agenda SDG negara menjelang tahun 2030.

1. LATAR BELAKANG

Isu-isu sering menjadi tumpuan utama bagi kerajaan Malaysia tentang pulau-pulau di negara kita adalah keselamatan dan kedaulatan negara dan pelancongan. Menurut Jabatan Ukuran dan Pemetaan Malaysia dan Pusat Hidrografi Kebangsaan, Malaysia mempunyai sebanyak 879 pulau. Kebanyakan pulau-pulau adalah terletak di Semenanjung (418 pulau), 319 pulau di wilayah Sabah dan 67 pulau di wilayah Sarawak. Sejumlah 535 daripada 879 pulau-pulau ini adalah tidak berpenghuni. Oleh demikian, bukan semua pulau-pulau ini telah dinamakan.

Sekurang-kurangnya 25 daripada baki 344 pulau-pulau kecil tersebut adalah terkenal sebagai pulau pelancongan bagi pelancong tempatan dan luar negara. Pelbagai kajian telah dibuat tentang potensi dan kesan industri pelancongan di pulau-pulau ini. Ada kajian yang menumpu perhatian kepada kesan alam sekitar yang disebabkan oleh industri pelancongan (Lee and Siti Suriani 2010, Rose 2011, Shukor, Salleh and Idris 2017). Namun, bagi baki 344 pulau yang berpenghuni, pengetahuan dan tumpuan kepada keadaan sosio-ekonomi dan taraf kehidupan penghuni-penghuni atas pulau-pulau kecil ini adalah terhad. Daripada hasil kajian yang terhad ini, didapati bahawa ada penghuni yang masih menghadapi cabaran untuk mendapat bekalan air yang bersih dan terawat (Abdin, Sakke and Jafar 2021).

Walaupun ramai yang telah menerokai potensi pelancongan di pulau-pulau tersebut, namun kekurangan kajian tentang sosio-ekonomi penghuni-penghuni ini akan menyebabkan jurang pengetahuan mengenai kehidupan mereka menjadi semakin lebar. Misalnya, di Pulau Carey, golongan Orang Asli berasa tergugat dengan kekurangan sumber hasil hutan yang merupakan sumber budaya dan pendapatan pelancongan mereka. Kekurangan sumber hasil hutan tersebut adalah disebabkan kegiatan pembangunan yang tidak mampan (Shah, Che'Rus et al. 2018). Terdapat juga kajian telah dijalankan di Pulau Pangkor yang menunjukkan bahawa pengurusan sisa pepejal menjadi semakin mencabar disebabkan oleh saiz, lokasi dan landskap pulau (Hashim, Ismail dan Khalid 2011, Nor, Hamzah dan Harun 2016). Isu kelestarian Pulau Pangkor yang disebabkan oleh pembangunan juga telah menjadi tumpuan kajian (Mohamad dan Yusoff 2017).

Selari dengan prinsip 'tiada sesiapa yang tercicir' yang memayungi kesemua 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, proses pembangunan yang inklusif harus menjadi agenda utama dalam pelan pembangunan sesebuah negara. Namun, salah satu cabaran adalah untuk memastikan semua kumpulan dan golongan dalam masyarakat dapat menikmati hasil dan manfaat daripada proses pembangunan tersebut dalam kesemua aspek kehidupan mereka.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk membentuk penyelesaian yang holistik terhadap isu-isu kemiskinan di Malaysia, APPGM-SDG telah menumpukan perhatian khusus kepada cabaran-cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh komuniti di pulau-pulau kecil dalam proses advokasi dasar. Namun, selain daripada kajian-kajian lepas yang memberi tumpuan khusus, data demografi, sosial dan taraf kehidupan tahap kemiskinan penghuni-penghuni di pulau adalah terhad. Melalui pengalaman penyetempatan dan hasil pemetaan APPGM-SDG, kami mendapati bahawa ramai penghuni yang tinggal atas pulau-pulau kecil menghadapi isu kekurangan infrastruktur dan peluang pekerjaan. Laporan awal dasar SDG ini menggariskan isu-isu yang mempunyai hubung kait secara langsung dan tidak langsung dengan kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk di pulau-pulau kecil yang diperolehi hasil daripada kajian lapangan di 85 kawasan parlimen yang telah dipetakan oleh pasukan pengkaji APPGM-SDG setakat tahun 2023. Walaupun data kualitatif yang dikumpulkan adalah kecil, tetapi ianya memberi suatu gambaran tentang keperluan di tempat-tempat ini dan untuk memberi tumpuan yang lebih kepada golongan akar umbi. Kepentingan ini telah menjadi semakin menonjol selepas sesi-sesi perbincangan bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil agensi kementerian.

Laporan ini merangkumkan proses advokasi dasar yang telah kami jalankan sepanjang tahun 2024 bagi tema komuniti pulau-pulau kecil, termasuk libat urus yang telah kami anjurkan bersama pihak-pihak berkepentingan, kupasan isu-isu utama yang dihadapi oleh penduduk di pulau-pulau kecil, maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan terhadap isu-isu tersebut, cadangan-cadangan dasar untuk menyelesaikan isu-isu tersebut, serta petunjuk-petunjuk daripada matlamat-matlamat SDG 2030 yang relevan.

2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR KOMUNITI PULAU-PULAU KECIL OLEH APPGM-SDG

Proses penyediaan laporan awal dasar ini adalah berasaskan kepada penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya pihak Ahli Parlimen yang telah menyertai aktiviti penyetempatan APPGM-SDG melalui kawasan parlimen masing-masing. Ahli-ahli Parlimen tersebut mewakili kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang, sejajar dengan paksi utama kegiatan APPGM-SDG, iaitu prinsip dwi-partisan yang menitikberatkan penyertaan wakil-wakil rakyat daripada parti-parti dan blok-blok politik yang berlainan. Selain Ahli Parlimen, pihak-pihak berkepentingan yang lain yang telah turut serta dalam aktiviti advokasi dasar kami adalah kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan Persekutuan dan organisasi masyarakat sivil (CSO).

Beberapa siri perbincangan telah dianjurkan oleh *MySDG Center for Social Inclusion* (MySDG CSI), unit kajian dan dasar APPGM-SDG, untuk mendapatkan input dan maklum balas pihak-pihak tersebut. Siri-siri perbincangan ini dibahagikan kepada dua sesi yang berlangsung seiring dengan sidang Parlimen Malaysia yang pertama dan kedua untuk tahun 2024. Sesi perbincangan pertama telah berlangsung pada 29hb Februari 2024 dan dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen dan pihak CSO. Sesi kedua pula telah berlangsung pada 10hb Julai 2024 dan telah dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil kementerian, agensi, dan jabatan kerajaan Persekutuan.

2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 29hb Februari 2024

Pada sesi perbincangan yang pertama, yang telah dipengerusikan secara bersama oleh YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis dan YB Tuan Rushdan bin Rusmi, Ahli-ahli Parlimen yang hadir telah membincangkan isu-isu berkaitan kemiskinan di peringkat tempatan dan kawasan parlimen sehingga ke peringkat nasional. FGD tersebut juga telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada CSO (rujuk Lampiran 2 untuk senarai kehadiran). Perbincangan tersebut berpandukan kepada senarai 12 isu berkaitan kemiskinan dan kawasan-kawasan parlimen yang terlibat yang telah dibentangkan oleh pihak MySDG-CSI hasil daripada aktiviti pemetaan APPGM-SDG (rujuk Lampiran 1 untuk senarai isu). Daripada himpunan 12 isu ini, kesejahteraan komuniti yang mendiami pulau-pulau kecil telah dibangkitkan.⁹

Sehubungan itu, komuniti pulau-pulau kecil telah terbit sebagai tema khusus hasil daripada sesi FGD pertama ini. Ahli-ahli Parlimen yang hadir berpendapat bahawa isu-isu yang dihadapi di pulau-pulau kecil memerlukan perhatian dan intervensi dasar yang khusus, terutamanya disebabkan keterasingan, peminggiran dan akses yang terhad mereka kepada kemudahan dan infrastruktur yang dimiliki oleh komuniti-komuniti di kawasan darat atau bukan pulau. Cabaran-cabaran tersebut menjadikan masyarakat di pulau-pulau kecil lebih terdedah kepada faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan dan juga kesan-kesan kemiskinan.

2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 10hb Julai 2024

Ahli-ahli Parlimen serta kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan Persekutuan telah dijemput untuk memberi maklum balas tentang isu-isu berkaitan komuniti pulau-pulau kecil dalam sesi FGD kedua secara khususnya, pada 10hb Julai 2024. Objektif utama sesi tersebut adalah untuk mencari penyelesaian secara dwi-partisan dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan bagi isu-isu yang berbangkit.

⁹ Huraian untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di Lampiran 1.

Penyelesaian yang dicari bukan hanya untuk jangka masa pendek tetapi harus juga mampan dan berpandukan matlamat-matlamat SDG 2030 yang dikedepankan oleh APPGM-SDG.

Selain daripada menghantar surat jemputan kepada pelbagai kementerian, agensi dan jabatan kerajaan, pihak MySDG-CSI juga telah melakukan kunjungan hormat ke pejabat-pejabat pihak tersebut di Putrajaya sepanjang bulan Jun dan awal bulan Julai untuk memanjangkan jemputan dan berkongsi senarai awalan isu-isu tersebut. Demi memastikan sesi perbincangan yang bermakna kepada semua yang akan hadir, MySDG-CSI juga telah menghantar senarai isu-isu utama perbincangan kepada semua pihak yang dijemput 2 minggu sebelum tarikh perbincangan.

Tiga isu utama telah dikenal pasti untuk maklum balas agensi-agensi kerajaan. Setiap isu tersebut dibahagikan kepada perkara-perkara yang lebih khusus dan dipadankan dengan kawasan-kawasan parlimen yang terlibat dengan aktiviti pemetaan APPGM-SDG. Pulau-pulau kecil yang terlibat hasil dari 85 kawasan yang telah dipetakan oleh APPGM-SDG adalah Pulau Kukup dalam kawasan parlimen Tanjung Piai, Pulau Aman (Batu Kawan), Pulau Teluk Renjuna (Tumpat), Pulau Berhala (Sandakan), Pulau Carey (Kuala Langat), Pulau Banggi (Kudat), serta kampung pulau-pulau di kawasan Mersing, iaitu Pulau Pemanggil, Pulau Besar, Pulau Sibul, Pulau Aur dan Pulau Tinggi.

Senarai isu-isu utama tersebut adalah seperti di berikut:

1. **Ekonomi:** punca pendapatan penduduk yang terjejas dan tidak menentu, sektor pelancongan yang masih mundur dan memerlukan pembangunan;
2. **Taraf kehidupan:** kemudahan perkhidmatan awam yang tidak mencukupi dan akses kepada infrastruktur asas yang lemah; dan
3. **Alam sekitar:** bencana alam yang menjejaskan kehidupan komuniti, kesan pembangunan yang menjejaskan kehidupan penduduk, dan masalah gangguan hidupan liar

Huraian lanjut untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di dalam Lampiran 1.2.

Sesi FGD kedua ini juga disusuli dengan bengkel bersama wakil daripada CSO pada 10hb Ogos 2024 untuk membentangkan maklum balas daripada agensi-agensi kerajaan kepada mereka dan mendapatkan pandangan mereka dalam penyediaan laporan ini.

3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI PARLIMEN

Bahagian ini memperincikan maklum balas agensi-agensi kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen untuk isu-isu terpilih semasa sesi FGD kedua pada 10hb Julai 2024. Secara keseluruhan, kedua-dua pihak telah menunjukkan komitmen yang sangat tinggi untuk bersama-sama mencari penyelesaian kepada isu-isu yang melanda masyarakat di pulau-pulau kecil seperti yang dirumuskan di atas. Isu-isu tersebut dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu punca pendapatan penduduk di pulau-pulau kecil yang terjejas dan tidak menentu; sektor pelancongan di pulau-pulau kecil yang masih mundur dan memerlukan pembangunan; kemudahan perkhidmatan awam yang tidak mencukupi dan akses kepada infrastruktur asas yang terhad; dan bencana alam yang menjejaskan kehidupan komuniti dan kesan pembangunan yang menjejaskan kehidupan penduduk.

3.1 Ekonomi

Wakil daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan telah member maklum balas terhadap beberapa isu perinci yang telah dikenal pasti di bawah isu utama ekonomi. Isu perinci yang pertama adalah **punca pendapatan penduduk yang terjejas dan tidak menentu**. Cabaran dan masalah yang dihadapi oleh penduduk di pulau-pulau kecil yang terlibat termasuk kekurangan hasil laut disebabkan projek pembangunan di kawasan sekeliling, ketiadaan akses kepada teknologi perikanan moden seperti teknologi perikanan laut dalam, ketiadaan punca pendapatan alternatif di kawasan pulau, dan isu pukut tunda dan pencerobohan nelayan asing.

Bagi menangani isu kekurangan hasil laut, wakil **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)** menjelaskan bahawa KPKM menjalankan langkah-langkah mitigasi melalui penilaian *Environmental Impact Assessment* (EIA) melalui kerjasama bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS). Walau bagaimanapun, JAS kurang kepakaran dari segi aspek-aspek teknikal berkenaan perikanan. Sebagai tindakan seterusnya, KPKM akan membentangkan pindaan untuk Akta Perikanan yang akan memasukkan punca kuasa Jabatan Perikanan (DOF) untuk melaksanakan penilaian *Fisheries Impact Assessment* (FIA) khusus untuk menilai impak pembangunan kepada aktiviti perikanan.

Wakil KPKM juga memberi maklum balas bahawa pihak KPKM menyediakan pelbagai insentif dan bantuan untuk membantu penduduk di pulau-pulau kecil mengatasi cabaran-cabaran ekonomi yang mereka hadapi. KPKM melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menawarkan geran *Change Upgrade Product* (CUP), sebuah bantuan peruntukan yang disalurkan dalam bentuk geran pepadanan (70% pembiayaan kerajaan

dan 30% pembiayaan usahawan). Sebuah lagi geran yang ditawarkan oleh KPKM adalah geran *High Impact Project* (HIP), sebuah bantuan peruntukan yang juga disalurkan dalam bentuk geran pepadanan (50% pembiayaan kerajaan dan 50% pembiayaan usahawan dengan jumlah maksimum RM200,000). Terdapat juga geran Agropreneur Muda bernilai RM20,000 yang tidak perlu dibayar balik dan terbuka kepada golongan muda yang berumur 18 ke 30 tahun. KPKM juga menjalankan program peningkatan pendapatan iaitu Insentif Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan dalam bentuk *in kind* dengan jumlah maksimum RM15,000 bagi setiap penerima yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan nelayan B40.

Untuk membantu golongan nelayan menjana pendapatan alternatif, KPKM telah menjalankan program-program tambahan yang mempunyai aspek nilai tambah (*value add*), contohnya program latihan pemprosesan makanan dan akuakultur. KPKM juga menyediakan program latihan dan program aktiviti darat seperti pengendalian bengkel. Program-program tersebut dijalankan untuk membantu meningkatkan pendapatan nelayan memandangkan hampir 70% nelayan di Malaysia hidup di bawah garis kemiskinan.

Isu punca pendapatan penduduk yang tidak menentu ini juga mendapat perhatian daripada **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)**. Wakil KUSKOP memberi maklum balas bahawa pihak KUSKOP boleh mencuba untuk menyediakan program untuk membantu meningkatkan pendapatan penduduk di kawasan pulau-pulau kecil. Antara sektor yang boleh diberi tumpuan adalah pelancongan dan KUSKOP juga boleh menggalakkan penduduk untuk menubuhkan koperasi. Antara contoh koperasi pulau yang berjaya ialah Koperasi Pulau Redang. KUSKOP juga menyediakan 3 jenis bantuan untuk tujuan tersebut merangkumi batuan geran dan modal pusingan. Bantuan tersebut ditawarkan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Selain itu, KUSKOP menawarkan bantuan untuk usahawan-usahawan kecil di bawah inisiatif Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan menjalankan program Satu Daerah Satu Industri yang memberi bantuan pembangunan produk kepada peserta. Selain itu, KUSKOP juga memberi bantuan kecil sehingga RM12,500 untuk membantu industri kraf tangan komuniti Orang Asli.

Berhubung isu pukut tunda, wakil KPKM menjelaskan bahawa KPKM mengakui bahawa isu tersebut merupakan isu yang berbangkit dan telah melaksanakan penguatkuasaan dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Marin sejak tahun 2019. Setakat ini, tindakan kompaun dan penarikan lesen telah diambil untuk sejumlah 667 kes. Sejumlah 428 kes pencerobohan nelayan asing telah berlaku sejak 5 tahun yang lalu dan nilai denda dan kompaun yang telah dikutip adalah sebanyak RM800 juta.

Isu perinci yang kedua untuk isu utama ekonomi ini adalah **sektor pelancongan yang masih mundur dan memerlukan pembangunan** yang merangkumi cabaran dan masalah seperti kekurangan kemudahan dan infrastruktur asas pelancongan di kawasan pulau, kelemahan strategi pemasaran dan kekurangan aktiviti promosi untuk destinasi pelancongan di kawasan pulau, dan kekurangan produk dan perkhidmatan pelancongan.

Bagi menangani isu ini khususnya dari segi membaik pulih infrastruktur pelancongan di kawasan pulau, wakil **KPKM** menjelaskan bahawa KPKM melalui Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani telah menyediakan inisiatif kemudahan bantuan geran agro-pelancongan sehingga RM200,000 untuk membina dan menaik taraf infrastruktur pusat agro-pelancongan yang diusahakan pengusaha agro-makanan. Peruntukan yang disediakan untuk tahun 2024 adalah RM7 juta.

Wakil **Kementerian Ekonomi (KE)** pula menyarankan kerajaan-kerajaan negeri untuk bekerjasama dengan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia ataupun *Tourism Malaysia* di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bagi menangani isu kekurangan aktiviti pemasaran pelancongan di kawasan pulau. Kawasan pulau mempunyai tarikan pelancong tetapi produk-produk yang ada perlu dibentangkan dengan lebih baik. Projek-projek yang boleh menjadi tarikan pelancong juga boleh dikenal pasti melalui kerajaan negeri yang boleh membuat permohonan di bawah peruntukan pembangunan untuk cadangan projek tersebut melalui MOTAC yang akan mengangkat permohonan tersebut ke peringkat Kementerian Ekonomi (KE) untuk dipertimbangkan untuk Rancangan Malaysia yang seterusnya.

3.2 Taraf Kehidupan

Bagi isu utama yang kedua, iaitu taraf kehidupan, isu perinci yang pertama yang telah diangkat ke meja perbincangan adalah **kemudahan perkhidmatan awam yang tidak mencukupi** merangkumi cabaran-cabaran yang lebih khusus yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan pulau iaitu ketiadaan sekolah di kawasan pulau, ketiadaan atau kekurangan kemudahan kesihatan seperti klinik, dan kelemahan sistem pengurusan sisa dan sampah.

Wakil **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** pula telah memberi maklum balas berkenaan isu kelemahan sistem pengurusan sisa dan sampah. Menurut beliau, KPKT mempunyai Bahagian Kemampunan Bandar yang menguruskan dasar untuk pengurusan sisa. Terdapat juga Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan SWCorp. JPSPN menyelia Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta

673). Isu yang timbul adalah pemakaian Akta itu sendiri kerana perkara berkaitan sanitasi berada di bawah senarai bersama (*concurrent list*) Perlembagaan Persekutuan, jadi kerajaan Persekutuan dan negeri boleh membuat perundangan masing-masing. Akta 672 juga boleh diterima oleh pihak negeri atau tidak dan setakat ini ia hanya diterima pakai 7 negeri sahaja iaitu Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.. Oleh itu, antara semua kawasan pulau yang telah dikenal pasti untuk sesi perbincangan ini, Pulau Kukup di Johor sahaja yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta 672. Dua lagi pulau, iaitu Pulau Aman di Pulau Pinang dan Pulau Berhala di Sabah berada di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan KPKT tiada kuasa dari segi pengurusan sisa.

Bagi Pulau Kukup, konsesi pengurusan sisa berada di bawah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Pungutan di Pulau Kukup pernah dibuat oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum ini. Walau bagaimanapun, selepas adanya Akta 672, serahan dari negeri ke KPKT tidak dibuat, jadi KPKT tidak membuat pungutan di sana. Walau bagaimanapun, apabila berlaku isu penguatkuasaan, Akta adalah terpakai untuk seluruh negeri, jadi sekiranya terdapat aduan di Pulau Kukup, contohnya jika berlaku isu sampah haram, SWCorp boleh membuat penguatkuasaan. Di kawasan darat, KPKT telah mendapat maklumat daripada SWCorp berkenaan kampung-kampung air. Kampung-kampung tersebut tidak mempunyai geran tanah dan tidak membayar cukai, jadi SWCorp tidak membuat pungutan sampah. Walau bagaimanapun, SWCorp tetap membantu melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Salah satu isu yang timbul berkaitan kampung air di Pulau Kukup adalah terdapat banyak chalet di sana yang sepatutnya dikira sebagai premis komersial dan bukan premis perumahan.

Isu perinci yang kedua bagi isu utama taraf kehidupan ini adalah **akses kepada infrastruktur asas yang lemah** dan merangkumi cabaran dan masalah seperti ketiadaan bekalan elektrik di kawasan pulau, kekurangan kemudahan dan jaringan jalan yang baik, ketiadaan atau kelemahan capaian sistem komunikasi dan internet, ketiadaan sistem perbekalan air yang cekap di kawasan pulau, kekurangan jambatan untuk penduduk di kawasan pulau, dan infrastruktur jeti yang uzur

Wakil **Kementerian Ekonomi (KE)** telah memberi maklum balas yang spesifik untuk isu ini dan memaklumkan sidang perbincangan bahawa untuk kawasan Pulau Kukup, satu projek telah diluluskan di bawah peruntukan pembangunan RMK-12 iaitu projek menaik taraf dan membaik pulih jeti utama dan jambatan Sungai Ular di Taman Negara Johor Pulau Kukup.

Wakil **Kementerian Komunikasi (KK)** pula memberi maklum balas bahawa KK telah menangani isu ketiadaan atau kelemahan capaian sistem komunikasi dan internet di kawasan pulau melalui inisiatif JENDELA di bawah Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (MCMC) yang menetapkan 3 sasaran utama, iaitu 100% capaian internet di kawasan berpenduduk pada hujung tahun 2025, kelajuan internet 100 megabit sesaat (mbps), dan jumlah premis dengan gentian optik sebanyak 9 juta.

Untuk kawasan Pulau Aman, satu projek *point of presence* (POP) telah siap dilaksanakan di bawah JENDELA. Sebuah Perkhidmatan Pintar Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) juga telah siap pada 27hb Jun 2024. Pulau Aman juga telah mendapat liputan 4G untuk rangkaian Celcom, Maxis dan U-Mobile. Di Pulau Banggi, pembinaan 6 menara komunikasi telah dirancang di bawah JENDELA. Kesemua 6 menara masih dalam pelaksanaan dan belum lagi beroperasi (*on air*). MCMC menasarkankan menara-menara tersebut akan siap pada hujung tahun 2024. Pulau Berhala adalah di bawah kategori pulau pelancongan. Pada masa sekarang MCMC sedang meneliti isu liputan di Pulau Berhala – liputan telah pun ada tetapi masih belum lengkap.

Wakil KK juga memaklumkan bahawa kos untuk pembinaan atau penyediaan infrastruktur komunikasi di kawasan pulau melibatkan banyak perbelanjaan tambahan contohnya pengendalian berganda (*double handling*) untuk membawa peralatan, kos penyelenggaraan dan sebagainya. Di bawah JENDELA terdapat 2 program pembiayaan projek, iaitu dibiayai oleh syarikat-syarikat komersial yang akan membuat projek di tempat di mana mereka boleh mendapat pulangan pelaburan (*return of investment*), dan dibiayai di bawah dana *user service provision* (USP) untuk kawasan-kawasan luar bandar yang tidak ramai penduduk dan di kawasan pulau-pulau. Bergantung kepada kawasan dan penduduk, MCMC juga mengaplikasikan kaedah teknologi sesuai untuk tujuan (*fit for purpose*). Tidak semuanya menggunakan teknologi 4G – bagi kawasan-kawasan di mana penduduk tidak ramai, penyelesaian lain yang lebih sesuai akan digunakan.

3.3 Alam Sekitar

Tiga isu perinci telah dibentangkan untuk isu utama alam sekitar. Pertamanya adalah **bencana alam yang menjejaskan kehidupan komuniti** yang berpunca daripada masalah banjir yang berterusan.

Wakil **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)** telah menjelaskan bahawa biasanya banjir di pulau-pulau kecil berlaku disebabkan oleh ketiadaan sistem saliran yang baik dan juga fenomena air pasang besar. Penyelenggaraan sistem saliran biasanya akan dilaksanakan oleh kerajaan

negeri, manakala bagi kawasan pertanian pula biasanya terdapat peruntukan untuk penyelenggaraan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Berhubung isu banjir di Pulau Aman dan Pulau Berhala, wakil JPS memaklumkan bahawa pihak JPS belum menerima apa-apa projek untuk pelaksanaan. Pihak JPS akan memaklumkan kepada pihak jabatan di negeri masing-masing untuk melakukan siasatan. Untuk menangani fenomena air pasang, JPS akan meninggikan ban untuk menghalang air laut daripada memasuki kawasan kediaman. Ada juga ban yang telah pecah dan JPS akan membuat pembaikan apabila situasi tersebut berlaku. Bagi masalah banjir di kawasan sungai seperti di pulau-pulau di kawasan Tumpat, langkah yang biasanya diambil oleh JPS ialah untuk membina benteng dan menyediakan pam yang berkapasiti tinggi. Bagi kawasan yang telah banjir, JPS juga menerapkan langkah-langkah bukan struktur contohnya daya tahan banjir (*flood resilience*) dengan cara membina rumah dan infrastruktur secara bertiang.

Isu perinci yang kedua untuk isu utama alam sekitar adalah **kesan pembangunan yang menjejaskan kehidupan penduduk** di pulau-pulau kecil yang meliputi cabaran-cabaran seperti pencemaran yang berpunca daripada kegiatan industri yang terletak berdekatan dengan kawasan perumahan, kualiti air yang terjejas disebabkan oleh aktiviti pembuangan sisa tercemar ke dalam sungai, tiada jaminan kelestarian sumber semula jadi yang menjadi punca pendapatan penduduk, dan kekurangan bantuan untuk pemuliharaan alam sekitar dan hidupan laut.

Wakil **Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)** telah menjelaskan peranan NAHRIM dalam membantu menangani isu tersebut. NAHRM adalah sebuah agensi di bawah PETRA dan mempunyai 2 fungsi utama, iaitu menjalankan penyelidikan berkenaan dengan iklim hidro (*hydro climate*) ataupun impak perubahan iklim terhadap sektor air, dan menjalankan kajian dan pembangunan (R&D) berkaitan air. Bagi fungsi pertama, pihak NAHRIM dapat melihat kesan perubahan iklim daripada segi peningkatan tahap air laut. Kajian menunjukkan bahawa kawasan-kawasan pulau terdedah kepada kesan perubahan iklim yang akan mengganggu ekosistem dan ekologi setempat. Manakala bagi fungsi kedua, NAHRIM menjalankan kajian sumber air alternatif. Sebelum ini NAHRIM pernah dijemput oleh pihak Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) untuk menjalankan kajian sumber air alternatif di kawasan pulau-pulau utara Kudat dan di timur Semporna (83 kawasan kesemuanya). Sumber air larian kawasan pulau sangat terhad berbanding kawasan daratan dan ia bergantung kepada air tanah dan air hujan. NAHRIM telah membangunkan produk hibrid yang boleh menggunakan air hujan dan air tanah telaga tiub. Di pulau, kaedah *atmospheric water generator* (AWG) boleh digunakan untuk menghasilkan air tetapi kosnya adalah lebih tinggi.

Berhubung isu pencemaran laut yang menyebabkan kekurangan sumber perikanan, wakil **Jabatan Perikanan (DOF)**, sebuah jabatan di bawah KPKM telah memaklumkan bahawa DOF membuat mitigasi melalui EIA dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Walau bagaimanapun, selepas pindaan Akta Perikanan yang bakal dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober, DOF akan mempunyai punca kuasa sendiri melalui *Fisheries Impact Assessment* (FIA).

Isu perinci yang ketiga untuk isu alam sekitar ini adalah masalah gangguan hidupan liar yang telah menyebabkan kemusnahan tanaman penduduk terutama tanaman kontan. Tiada maklum balas diterima oleh sidang perbincangan untuk perkara ini.

4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN

Ahli-ahli Parlimen telah memberi cadangan dasar untuk beberapa isu yang berbangkit. Bahagian ini menghuraikan beberapa cadangan terpilih untuk setiap isu utama yang telah dibincangkan, iaitu isu ekonomi, taraf kehidupan dan alam sekitar. Cadangan-cadangan tersebut adalah membangunkan sumber pendapatan alternatif untuk penduduk di pulau-pulau kecil, memperkenalkan inisiatif rekreasi bakau, menangani isu pertindihan kuasa antara agensi kerajaan bagi menyelesaikan masalah pelesenan bot nelayan, dan menambah baik pengurusan bencana banjir di kawasan pulau-pulau kecil. Cadangan-cadangan tersebut juga dipadankan dengan matlamat-matlamat dan sasaran-sasaran SDG yang berkaitan bagi mengetengahkan kepentingan mereka ke arah kita memenuhi Agenda SDG menjelang tahun 2030. Rangkuman kesemua cadangan dasar boleh dirujuk di Lampiran 1.3.

4.1 Ekonomi

Salah satu komuniti yang terkesan dari semua segi – ekonomi, taraf hidup dan alam sekitar – adalah komuniti Orang Asli di Pulau Carey yang terletak di kawasan parlimen Hulu Langat. Khususnya untuk aspek ekonomi, Ahli-ahli Parlimen telah mencadangkan agar pihak KPKM bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk **membangunkan program yang dapat membantu Orang Asli di sana serta di kawasan-kawasan pulau yang lain untuk menerokai sumber pendapatan alternatif**, contohnya akuakultur. Ahli-ahli Parlimen juga mencadangkan supaya **inisiatif rekreasi bakau** diusahakan di kawasan-kawasan pulau kecil yang bersesuaian kerana ia boleh menjadi usaha serampang banyak mata yang boleh membawa faedah dari segi menjaga alam sekitar dan ekologi dan juga menggiatkan aktiviti pelancongan yang boleh meningkatkan ekonomi penduduk di pulau-pulau kecil.

Penyelesaian yang dicadangkan di atas adalah penting dari segi pencapaian matlamat SDG 2030 di Malaysia. Isu-isu ekonomi yang berkaitan dengan komuniti di pulau-pulau kecil akan mempengaruhi pencapaian **SDG 1** (membasmi semua bentuk kemiskinan), terutamanya sasaran **1.3**, iaitu 'melaksanakan sistem perlindungan sosial dan langkah yang sesuai pada peringkat kebangsaan untuk semua, termasuk rakyat jelata, serta meliputi sebahagian besar golongan miskin dan berisiko menjelang 2030') dan **1.4**, iaitu 'menjelang 2030, memastikan semua kumpulan masyarakat, baik lelaki atau wanita, khususnya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak sama rata terhadap sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai, dan perkhidmatan kewangan, termasuk pembiayaan mikro.'

Isu **pertindihan kuasa antara agensi** juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen, khususnya berhubung pelesenan bot nelayan yang dilihat sebagai salah satu perkara yang boleh ditambah baik untuk membantu meningkatkan pendapatan golongan nelayan. Pada masa ini, lesen bot nelayan yang dikeluarkan oleh DOF, sebuah jabatan di bawah KPKM, tidak membenarkan nelayan untuk membawa pemancing untuk aktiviti menangkap ikan rekreasi. Walau bagaimanapun, lesen bot penumpang yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut, sebuah jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia membenarkan aktiviti memancing rekreasi. Ahli-ahli Parlimen mencadangkan supaya pihak DOF dan Jabatan Laut membincangkan bantuan-bantuan yang boleh diberikan kepada nelayan supaya bot-bot mereka juga boleh membawa pemancing sebagai sumber pendapatan tambahan. Pindaan Akta Perikanan yang bakal dibentangkan pada bulan Oktober 2024 ini dilihat sebagai peluang yang sesuai untuk menyelesaikan isu berkaitan pelesenan bot rekreasi dan nelayan ini.

Langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan isu seperti pertindihan kuasa antara jabatan-jabatan kerajaan seperti yang dibincangkan di atas adalah penting ke arah memperkukuhkan kekuatan institusi negara, sejajar dengan matlamat **SDG 16** ('menganjurkan pembentukan masyarakat yang aman dan menyeluruh untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan menyeluruh kepada semua peringkat'), khususnya sasaran **16.6** iaitu 'membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus pada semua peringkat.' Ahli-ahli Parlimen telah menggesa supaya diadakan usaha untuk memperkemas proses kawal selia yang silang agensi agar manfaat sosioekonomi yang boleh diperolehi daripada proses seperti pelesenan bot yang dapat diagihkan dengan lebih berkesan dan menjadi pemangkin kepada peningkatan taraf hidup golongan nelayan. Dalam konteks SDG yang lebih luas, usaha seperti ini juga akan dapat memacu kemajuan negara ke arah mencapai matlamat **SDG**

17, iaitu ‘memperkuhkan kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula Perkongsian Global untuk Pembangunan Mampan.’

4.2 Taraf Kehidupan dan Alam Sekitar

Ahli-ahli Parlimen juga mencadangkan supaya **sistem pengurusan bencana banjir di pulau-pulau kecil ditambah baik**. Cadangan ini merentas isu utama kedua dan ketiga perbincangan, iaitu taraf kehidupan dan alam sekitar kerana ia melibatkan saranan untuk menambah baik kemudahan komunikasi untuk penduduk di kawasan pulau dan mengambil langkah untuk menangani masalah banjir dengan lebih bersepadu. Ahli-ahli Parlimen telah mencadangkan supaya lebih banyak saluran disediakan dari segi pengurusan komunikasi bencana di kawasan pulau-pulau kecil. Walaupun ada pulau-pulau kecil yang telah mempunyai perkhidmatan NADI, apabila bencana berlaku masih timbul risiko komunikasi yang lambat sampai kepada penduduk. Selain itu, Ahli-ahli Parlimen juga mencadangkan supaya pihak JPS memberi pertimbangan dari segi peruntukan undang-undang untuk membenarkan pihak ketiga atau penduduk untuk memecahkan benteng supaya air dapat lalu semasa banjir berlaku.

Bagi menghadapi kejadian seperti banjir, **SDG 13** (‘mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya’) adalah rujukan matlamat SDG 2030 yang mustahak kerana ia secara keseluruhan menuntut penggubalan dasar yang relevan di semua peringkat kerajaan bagi menangani semua bentuk bencana alam termasuk banjir. Manakala **SDG 9** pula, iaitu ‘membangunkan infrastruktur berdaya tahan, menggalakkan perindustrian menyeluruh dan mampan serta merangsang inovasi’ antara lain menggesa peningkatan akses kepada teknologi komunikasi dan maklumat dengan signifikan seperti yang dianjurkan oleh sasaran **SDG 9.c**. Selain itu, sasaran **11.b** di bawah **SDG 11** (‘menjadikan bandar dan penempatan manusia sebagai inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan’) mengajukan supaya langkah-langkah yang sistematik diambil untuk menghadapi dan menangani perubahan iklim dan bencana-bencana yang terhasil daripada proses perubahan iklim seperti banjir.

RUJUKAN

- Abdin, A., et al. (2021). "AKSESIBILITI BEKALAN AIR TERAWAT DAN CABARAN SEKURITI AIR DI PULAU SEBATIK, MALAYSIA: Accessibility of Water Treatment Supply and Water Security Challenges in the Sebatik Island, Malaysia." MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa **32**(1).
- Hashim, M., et al. (2011). "Isu dan Pengurusan Sisa Pepejal di Pulau Pangkor, Perak: Issues and Solid Waste Management in Pulau Pangkor, Perak." Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan **3**(1): 78-94.
- Lee, K. T. and O. Siti Suriani (2010). "Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia." Sosiohumanika **3**(2).
- Mohamad, J. and M. M. Yusoff (2017). Pulau Pangkor: Antara Pembangunan dan Kelestarian, The University of Malaya Press.
- Nor, F. I., et al. (2016). "Pengurusan sisa pepejal di Pulau Pangkor: Isu dan cabaran (Solid waste management in Pulau Pangkor: Issues and challenges)." Geografia **12**(14).
- Rose, R. A. C. (2011). "Persepsi dan tingkat kepuasan pelancong di Pulau Pangkor (Pulau Pangkor as a tourist destination—An inquiry into visitors' perception and satisfaction)." Geografia **7**(5).
- Shah, N. M., et al. (2018). "Kekurangan sumber hasil hutan bagi kelestarian pelancongan mampan masyarakat Orang Asli Mah Meri: Satu kajian kes di Pulau Carey Selangor." Sains Humanika **10**(3-3).
- Shukor, M. S., et al. (2017). "Impak Pembangunan Pelancongan Terhadap Komuniti Pulau: Kajian Di Pulau Tioman, Malaysia." Sains Humanika **9**(4).

LAMPIRAN 1: ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN

1.1 Isu-isu berkaitan Kemiskinan untuk Sesi FGD Pertama bersama Ahli-ahli Parlimen, 29hb Februari 2024

NO.	ISU
1.	<p>Kesukaran mendapat peluang pekerjaan dan perolehan gaji yang rendah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merangkumi golongan yang sukar mendapat pekerjaan atau tiada pekerjaan, seperti kelompok B40, OKU, ibu tunggal, suri rumah, belia dan pelajar, pesara • Ramai golongan belia yang berpendidikan sampai ke tahap menengah sahaja. Ini menyukarkan mereka mendapat pekerjaan yang berpendapatan yang lebih daripada gaji minima • Kesukaran mendapat pekerjaan tetap. Kerja kontrak tidak mempunyai gaji minimum, RM1,500 • Eksploitasi pekerja-pekerja OKU dan ibu tunggal
2.	<p>Sistem sokongan yang kurang baik untuk pekerjaan atau perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contoh seperti keperluan pasaran yang lebih besar dan rentas kampung/bandar; kuasa membeli pelanggan yang lebih besar; dan jaringan lebih luas • Oleh kerana ramai daripada mereka yang bekerja kontrak, mereka tidak layak untuk mendapat KWSP atau PERKESO daripada majikan • Peniaga-peniaga kecil lazimnya terdiri daripada belia, ibubapa tunggal dan warga emas tidak mendapat perlindungan sosial
3.	<p>Jurang antara keperluan pekerjaan dan set kemahiran yang dimiliki atau sedia ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan untuk menjalankan latihan untuk kemahiran atau kelayakan baru bagi memenuhi tuntutan pekerjaan dan pasaran semasa/moden • Pelaksanaan program dan pembelajaran bagi latihan semula bagi memajukan kelayakan dan kemahiran yang sedia ada, seperti <i>reskilling</i>, <i>upskilling</i>
4.	<p>Kesejahteraan komuniti di kawasan/kediaman pulau:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fragmentasi sosial

NO.	ISU
	<ul style="list-style-type: none"> • Tekanan ekonomi akibat tiada sumber pendapatan • Kemusnahan alam sekitar
5.	Sokongan formal atau informal untuk bangunkan perniagaan, keusahawanan
6.	Modenisasi dan perubahan struktur ekonomi: <ul style="list-style-type: none"> • Perubahan atau perkembangan dalam sistem ekonomi meninggalkan golongan yang dulunya mempunyai fungsi ekonomi, tetapi kemudiannya menjadi lewah (<i>redundant</i>) atau dipinggirkan • Khususnya, nelayan darat, nelayan laut, petani, pengutip hasil hutan dan tanaman
7.	Masalah kewangan dan tekanan ekonomi khususnya untuk usahawan kecil tempatan
8.	Pembangunan belia: <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan minat dalam pendidikan • Peningkatan minat terhadap kerja hakiki, contoh: pemandu gig, tukang cuci di negara jiran • Isu-isu sosial • Ketidakpadanan antara kemahiran dan latihan Pendidikan
9.	Kekangan dan kekurangan pemberdayaan ekonomi untuk Orang Asli dan Asal
10.	Mengarusperdanakan gender dalam keadaan kemiskinan: <ul style="list-style-type: none"> • Golongan ibu dan bapa tunggal perlukan sokongan untuk penjanaan pendapatan • Sokongan daripada segi penjagaan anak adalah kurang • Oleh kerana ramai ibubapa tunggal yang bekerja persendirian atau secara informal, ramai daripada mereka tidak layak mendapat sokongan daripada majikan atau Kerajaan
11.	Pembangunan tidak seimbang (Sabah, Sarawak): <ul style="list-style-type: none"> • Jalan raya yang tidak tar dan dalam keadaan tidak baik di kampung pedalaman • Kekurangan bekalan air yang dirawat • Kekurangan bekalan elektrik • Ketiadaan kemudahan asas, contoh: bank

NO.	ISU
12.	<p>Isu berkaitan dengan keadaan sosio-ekonomi golongan India:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan kewangan untuk membaik pulih sekolah Tamil • Kekurangan infrastruktur dan alat-alat pengajaran di sekolah – contohnya makmal internet dan komputer • Kesukaran murid-murid sekolah Tamil menjalin hubungan dengan murid-murid lain apabila sampai ke sekolah menengah – ini menyebabkan ramai yang tercicir • Kekurangan program latihan atau pemerksaan untuk golongan belia India • Perpecahan antara komuniti-komuniti India memberi cabaran kepada perwakilan pemimpin yang berkesan • Cabaran untuk mendapat peruntukan perumahan kos rendah dan PPR • Keganasan rumah tangga yang lazimnya disebabkan oleh alkoholisme dan gengsterisme • Ramai komuniti India daripada golongan miskin bekerja kontrak dan tidak tetap • Gaji tidak capai gaji minima • Kesukaran untuk mendapat bantuan kebajikan, kerana sikap tidak percaya dan kurang pergaulan dengan ketua kampung dan penghulu • Maklumat permohonan JKM yang tidak sampai • Masalah untuk menyertai program MITRA • Peladang dan pekebun kaum India menghadapi masalah pemilikan tanah pertanian • Kekurangan kemudahan sosial dan keagamaan seperti dewan komuniti, tapak perkuburan dan kuil

1.2 Isu-isu berkaitan Komuniti Pulau-pulau Kecil di Semenanjung Malaysia untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 10hb Julai 2024

NO	ISU UTAMA	PENJELASAN	KAWASAN PARLIMEN
1) Ekonomi			

1.1	Punca pendapatan penduduk yang terjejas dan tidak menentu	Kekurangan hasil laut disebabkan projek pembangunan di kawasan sekeliling	2020 – Tanjung Piai (Pulau Kukup) 2023 - Kuala Langat (Komuniti Orang Asli Pulau Carey)
		Ketiadaan akses kepada teknologi perikanan moden seperti teknologi perikanan laut dalam	2020 – Tanjung Piai 2023 - Sandakan (Pulau Berhala)
		Ketiadaan punca pendapatan alternatif di kawasan pulau	2020 – Tanjung Piai (Pulau Kukup) 2021 - Batu Kawan (Pulau Aman) 2023 - Sandakan (Pulau Berhala)
		Isu pukat tunda dan pencerobohan nelayan asing	2023 - Mersing
1.2	Sektor pelancongan yang masih mundur dan memerlukan pembangunan	Kekurangan kemudahan dan infrastruktur asas pelancongan di kawasan pulau	2020 - Tanjung Piai (Pulau Kukup)
		Kelemahan strategi pemasaran dan kekurangan aktiviti promosi untuk destinasi pelancongan di kawasan pulau	2020 - Tanjung Piai (Pulau Kukup)

			2021 - Batu Kawan (Pulau Aman)
		Kekurangan produk dan perkhidmatan pelancongan	2020 - Tanjung Piai (Pulau Kukup) 2021 - Batu Kawan (Pulau Aman)
2) Taraf kehidupan			
2.1	Kemudahan perkhidmatan awam yang tidak mencukupi	Ketiadaan sekolah di kawasan pulau	2021 - Tumpat (Pulau Teluk Renjuna) 2023 - Sandakan (Pulau Berhala)
		Ketiadaan atau kekurangan kemudahan kesihatan seperti klinik	2021 - Batu Kawan (Pulau Aman) 2023 - Sandakan (Pulau Berhala)
		Kelemahan sistem pengurusan sisa dan sampah	2020 - Tanjung Piai (Pulau Kukup) 2021 - Batu Kawan (Pulau Aman)

			2023 - Sandakan (Pulau Berhala), Mersing
2.2	Akses kepada infrastruktur asas yang lemah	Ketiadaan bekalan elektrik di kawasan pulau	2023 - Sandakan (Pulau Berhala), Kudat (Pulau Banggi)
		Kekurangan kemudahan dan jaringan jalan yang baik	2023 - Kudat (Pulau Banggi), Kuala Langat (Komuniti Orang Asli Pulau Carey)
		Ketiadaan atau kelemahan capaian sistem komunikasi dan internet	2021 - Batu Kawan (Pulau Aman) 2023 - Sandakan (Pulau Berhala), Kudat (Pulau Banggi)
		Ketiadaan sistem perbekalan air yang cekap di kawasan pulau	2021 - Tumpat (Pulau Teluk Renjuna) 2023 - Sandakan (Pulau Berhala), Kudat (Pulau Banggi)
		Kekurangan jambatan untuk penduduk di kawasan pulau	2021 - Tumpat (Pulau Teluk Renjuna)

		Infrastruktur jeti yang uzur	2021 - Tumpat (Kepulauan sungai/Pulau Teluk Renjuna)
3) Alam Sekitar			
3.1	Bencana alam yang menjejaskan kehidupan komuniti	Masalah banjir yang berterusan	2021 - Batu Kawan (Pulau Aman) 2022 - Sandakan (Pulau Berhala)
3.2	Kesan pembangunan yang menjejaskan kehidupan penduduk	Pencemaran yang berpunca daripada kegiatan industri yang terletak berdekatan dengan kawasan perumahan	2023 - Kuala Langat (Pulau Carey)
		Kualiti air yang terjejas disebabkan oleh aktiviti pembuangan sisa tercemar ke dalam sungai	2023 - Kuala Langat (Pulau Carey)
		Tiada jaminan kelestarian sumber semula jadi yang menjadi punca pendapatan penduduk	2023 - Kuala Langat (Komuniti Orang Asli, Pulau Carey)
		Kekurangan bantuan untuk pemuliharaan alam sekitar dan hidupan laut	2023 - Mersing (Kampung pulau-pulau di daerah Mersing: Pulau Pemanggil, Besar, Sibul, Aur dan Tinggi)
3.3	Masalah gangguan hidupan liar	Kemusnahan tanaman penduduk terutama tanaman kontan	2023 - Mersing (Kampung pulau-pulau di daerah

			Mersing: Pulau Pemanggil, Besar, Sibul, Aur dan Tinggi)
--	--	--	---

1.3 Senarai Maklum Balas dan Cadangan Dasar daripada Agensi-agensi Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen, 10hb Julai 2024

NO.	ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN DASAR
Isu 1: Ekonomi			
1.1	Punca pendapatan penduduk yang terjejas dan tidak menentu: <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan hasil laut • Ketiadaan akses kepada teknologi perikanan moden • Ketiadaan punca pendapatan alternatif • Isu pukut tunda dan pencerobohan nelayan asing 	KUSKOP menyediakan program untuk membantu meningkatkan pendapatan penduduk. KPKM memberi bantuan melalui pelbagai geran dan insentif. KPKM menjalankan program- tambahan contohnya pemprosesan makanan, akuakultur dan aktiviti darat seperti pengendalian bengkel. LKIM melalui kerjasama dengan agensi-agensi lain telah membangunkan sistem untuk mengenal pasti lokasi kawasan penangkapan ikan.	KPKM perlu bekerjasama dengan JAKOA untuk membangunkan program untuk membantu Orang Asli mencari pendapatan alternatif contohnya akuakultur. Pihak DOF dan Jabatan Laut perlu membincangkan bantuan yang boleh diberikan kepada nelayan supaya bot-bot mereka juga boleh membawa pemancing. Apabila pindaan Akta Perikanan dibentangkan pada bulan Oktober isu berkaitan pelesenan bot rekreasi dan nelayan perlu diselesaikan.
1.2		KPKM menyediakan inisiatif bantuan geran agro pelancongan untuk membina dan menaik taraf	Inisiatif rekreasi bakau perlu diusahakan kerana ia merupakan serampang banyak

	<p>Sektor pelancongan yang masih mundur dan memerlukan pembangunan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan kemudahan dan infrastruktur asas pelancongan • Kelemahan strategi pemasaran dan promosi pelancongan • Kekurangan produk pelancongan 	<p>infrastruktur pusat agro pelancongan yang diusahakan pengusaha agro makanan.</p> <p>Projek-projek dan Kerajaan negeri boleh memohon di bawah peruntukan pembangunan untuk cadangan projek yang boleh menjadi tarikan pelancong melalui MOTAC.</p>	<p>mata yang boleh membawa faedah dari segi menjaga alam sekitar dan ekologi dan juga pelancongan yang boleh meningkatkan ekonomi penduduk pulau.</p>
Isu 2: Taraf kehidupan			
2.1	<p>Kemudahan perkhidmatan awam yang tidak mencukupi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan sekolah • Ketiadaan/kekurangan kemudahan kesihatan • Kelemahan sistem pengurusan sisa dan sampah 	<p>Pulau Kukup sahaja yang berada di bawah bidang kuasa Akta 672 di bawah seliaan KPKT. Dua lagi pulau iaitu Pulau Aman dan Pulau Berhala berada di bawah Akta 171 di bawah kuasa PBT dan KPKT tiada kuasa dari segi pengurusan sisa.</p>	<p>Tiada</p>
2.2	<p>Akses kepada infrastruktur asas yang lemah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan bekalan elektrik • Kekurangan jaringan jalan 	<p>Bagi Pulau Kukup, satu projek telah diluluskan oleh KE di bawah peruntukan pembangunan RMK-12 iaitu projek menaik taraf dan membaik pulih jeti utama dan jambatan Sungai Ular di Taman Negara Johor Pulau Kukup.</p>	<p>Perlu ada pilihan (<i>options</i>) dari segi pengurusan komunikasi bencana di kawasan pulau-pulau kecil. Ada pulau yang ada NADI, namun bila bencana berlaku komunikasi adalah lambat.</p>

	<ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan/kelemahan sistem komunikasi dan internet • Ketiadaan sistem perbekalan air yang cekap • Kekurangan jambatan • Infrastruktur jeti yang uzur 	KK menangani isu ketiadaan atau kelemahan capaian sistem komunikasi dan internet melalui inisiatif JENDELA di bawah MCMC. Bergantung kepada kawasan dan penduduk, MCMC juga mengaplikasikan kaedah teknologi <i>fit for purpose</i> .	
Isu 3: Alam Sekitar			
3.1	<p>Bencana alam yang menjejaskan kehidupan komuniti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir yang berterusan 	<p>Untuk Pulau Aman dan Pulau Berhala JPS belum menerima apa-apa projek untuk pelaksanaan. JPS akan maklumkan kepada pihak jabatan di negeri masing-masing untuk melakukan siasatan.</p> <p>Di kawasan sungai JPS akan buat benteng dan sediakan pam untuk pam air keluar.</p> <p>Untuk menangani fenomena air pasang JPS akan tinggikan ban untuk menghalang air laut daripada memasuki kawasan kediaman. Ada juga ban yang pecah dan JPS akan membuat pembaikan.</p> <p>Langkah bukan struktur contohnya <i>flood resilience</i> boleh diterapkan contohnya dengan cara membina rumah dan infrastruktur secara bertiang.</p>	Mencadangkan JPS melihat dari segi peruntukan undang-undang untuk membenarkan pihak ketiga atau rakyat untuk memecahkan benteng supaya air lalu untuk menangani banjir.

3.2	<p>Kesan pembangunan yang menjejaskan kehidupan penduduk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran yang berpunca daripada kegiatan industri • Kualiti air yang terjejas disebabkan pembuangan sisa tercemar ke dalam sungai • Tiada jaminan kelestarian sumber semula jadi • Kurang bantuan pemuliharaan alam dan hidupan 	<p>Berhubung isu pencemaran laut yang menyebabkan kekurangan sumber perikanan, DOF membuat mitigasi dibuat melalui EIA dengan kerjasama NRES. Walau bagaimanapun selepas pindaan akta yang bakal dibentangkan di parlimen pada bulan Oktober, DOF akan mempunyai punca kuasa melalui <i>Fisheries Impact Assessment (FIA)</i>.</p>	<p>Mencadangkan agar kaedah hebahan mengenai isu yang boleh menyebabkan kebimbangan awam dilakukan dengan lebih baik. Baru-baru ini terjadi isu serangan gastropod ke atas siput di sesetengah kawasan di Mersing tetapi amaran yang dikeluarkan seolah-olah ia berlaku di seluruh Mersing dan ini merugikan pengusaha pelancongan.</p>
3.3	<p>Masalah gangguan hidupan liar:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemusnahan tanaman 	Tiada	Tiada

LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 29hb Februari 2024

NO.	AHLI PARLIMEN	ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL
1	YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy - Kota Belud	APPGM-SDG
2	YB Tuan Rushdan bin Rusmi - Padang Besar	Malaysian-CSO SDG Alliance
3	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan - Tasek Gelugor	Yayasan Kajian dan Pembangunan Masyarakat
4	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas - Mersing	PROHAM
5	YB Dr. Hajah Halimah Ali - Kapar	FOMCA
6	YB Tuan Mordi anak Bimol - Mas Gading	PRISMA
7	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid - Bukit Bendera	PSSM
8	YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor - Temerloh	URBANICE Malaysia
9	YB Dr. Siti Mastura binti Muhammad - Kepala Batas	
10	YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi - Kuala Langat	

**LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN
UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 10hb Julai 2024**

NO.	AHLI PARLIMEN	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI KERAJAAN
1	YB Tuan Rushdan Rusmi - Padang Besar	Kementerian Ekonomi (KE)
2	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas - Mersing	Kementerian Komunikasi (KOMUNIKASI)
3	YB Lo Su Fui - Tawau	Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
4	YB Dato' Mumtaz binti Md Nawli - Tumpat	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
5	YB Dato' Abdul Khalib - Rompin	Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA)
6	YB Tuan Zakri Hassan - Kangar	Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)
7	YB Tuan Mordi Bimol - Mas Gading	ICU JPM
8	YB Dato' Dr. Ahmad Yunus - Kuala Langat	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
9	YB Sim Tze Tzin - Bayan Baru (Diwakili oleh Ong Yue Lin)	
10	YB Dato' Verdon Bin Bahanda - Kudat (Diwakili oleh Chriscylda George)	



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPM-023-14-07012020)

📍 A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen
8 Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>